

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN PROFESOR ANTARABANGSA TERSOHOR  
SECARA *CONTRACT OF SERVICE* SEPENUH MASA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**1.0 OBJEKTIF**

Garis Panduan ini bertujuan memastikan proses pelantikan Profesor Antarabangsa Tersohor (PAT) sepenuh masa secara *Contract of Service* di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilaksanakan secara tersusun, teratur dan telus.

**2.0 SKOP**

Garis Panduan ini meliputi proses menyemak keperluan, menyenarai pendek permohonan, urusan temuduga/temubual/pelantikan dan urusan surat tawaran PAT-UKM

**3.0 RUJUKAN**

- 3.1 Keputusan LPU Bil.6/2016 bertarikh 9 Jun 2016: Cadangan Semakan Terma Rujukan (Keahlian) Jawatan Kuasa Di Bawah LPU
- 3.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016: Penambahbaikan Kemudahan bagi Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*) dalam Perkhidmatan Awam;
- 3.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008: Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihakiskan Oleh Pegawai Lantikan Secara Kontrak;
- 3.4 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008: Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam;
- 3.5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008: Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*);

**4.0 SKIM JAWATAN**

- 4.1 Pelantikan sebagai Profesor Gred Khas C (VK7) /Gred Khas B (VK6)/ Gred Khas A (VK5) secara *Contract of Service* dengan gelaran Profesor Akademik Tersohor (PAT) UKM;
- 4.2 Tempoh pelantikan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan tidak melebihi tiga(3) tahun sekali lantik; dan
- 4.3 Menggunakan peruntukan OS29000; atau dana endowmen; atau dana daripada lain-lain sumber bagi tujuan pengajian.

## 5.0 JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM, ELAUN TETAP DAN KEMUDAHAN

### 5.1 Jadual Gaji dan Elaun JUSA A (VK5) (DS, DU,DUG)

EMOLUMEN		DS	DU	DUG
Gaji (Minimum – Maksimum)	:	RM9,038.00 – RM24,465.00		
Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	:	RM2,000.00		
Imbuan Tetap Keraian (ITK)	:	RM4,000.00		
Imbuan Tetap Gred Khas (ITGK)	:	RM2,500.00		
Bayaran Pembantu Rumah (BPR)	:	RM500.00		
Bayaran Insentif Khas (BIK)	:	RM1,250.00 (Kejuruteraan / Undang-Undang	RM1,250.00	RM1,250.00
Bayaran Insentif Pakar (BIP)	:	-	RM3,100.00	RM3,100.00
Bayaran Insentif Akademik (BIA)	:	-	RM1,200.00	RM1,200.00
Kemudahan Kenderaan Rasmi Kerajaan (KKRK)	:	RM2,000.00	RM2,000.00	RM2,000.00
Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah (BBMR)	:	RM2,000.00 (setahun)	RM2,000.00 (setahun)	RM2,000.00 (setahun)

## 5.2 Jadual Gaji dan Elaun JUSA B (VK6) (DS, DU,DUG)

EMOLUMEN		DS	DU	DUG
Gaji (Minimum – Maksimum)	:	<b>RM8,315.00 – RM22,445.00</b>		
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	:	RM1,600.00		
Imbuhan Tetap Keraian (ITK)	:	RM3,050.00		
Imbuhan Tetap Gred Khas (ITGK)	:	RM1,500.00		
Bayaran Pembantu Rumah (BPR)	:	RM500.00		
Bayaran Insentif Khas (BIK)	:	RM750.00 (Kejuruteraan / Undang-Undang	RM750.00	RM750.00
Bayaran Insentif Pakar (BIP)	:	-	RM3,100.00	RM3,100.00
Bayaran Insentif Akademik (BIA)	:	RM	RM1,200.00	RM1,200.00
Kemudahan Kenderaan Rasmi Kerajaan (KKRK)	:	RM2,000.00	RM2,000.00	RM2,000.00
Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah (BBMR)	:	RM2,000.00 (setahun)	RM2,000.00 (setahun)	RM2,000.00 (setahun)

5.3 **Jadual Gaji dan Elaun JUSA C (VK7) (DS, DU,DUG)**

<b>EMOLUMEN</b>		<b>DS</b>	<b>DU</b>	<b>DUG</b>
Gaji (Minimum – Maksimum)	:	<b>RM7,676.00 – RM20,592.00</b>		
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	:	RM1,300.00		
Imbuhan Tetap Keraian (ITK)	:	RM2,500.00		
Imbuhan Tetap Gred Khas (ITGK)	:	RM1,000.00		
Bayaran Pembantu Rumah (BPR)	:	RM500.00		
Bayaran Insentif Khas (BIK)	:	RM500.00 (Kejuruteraan / Undang-Undang	RM500.00	RM500.00
Bayaran Insentif Pakar (BIP)	:	-	RM3,100.00	RM3,100.00
Bayaran Insentif Akademik (BIA)	:	-	RM1,200.00	RM1,200.00
Kemudahan Kenderaan Rasmi Kerajaan (KKRK)	:	RM2,000.00	RM2,000.00	RM2,000.00
Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah (BBMR)	:	RM2,000.00 (setahun)	RM2,000.00 (setahun)	RM2,000.00 (setahun)

## **6.0 Kriteria PELANTIKAN**

- 6.1 Kriteria umum adalah pendidikan, penyelidikan, sanjungan, kecemerlangan kepimpinan akademik, pengurusan dan khidmat masyarakat seperti perincian berikut;
  - 6.1.1 Pendidikan - menunjukkan aktiviti berterusan dalam bidang pendidikan dari segi ;
    - 6.1.1.1 kualiti pengajaran yang cemerlang;
    - 6.1.1.2 pengukuhan dalam penyeliaan & pengajaran;
    - 6.1.1.3 pembaharuan dalam pengajaran;
  - 6.1.2 Penyelidikan dan Penerbitan;
    - 6.1.2.1 memperoleh dana penyelidikan luar negara;
    - 6.1.2.2 mempunyai jaringan antarabangsa dalam mendapatkan dana penyelidikan yang berimpak tinggi;
    - 6.1.2.3 terlibat dalam penghasilan polisi/dasar negara, paten yang dikormesialkan untuk pendapatan Universiti dan Negara;
    - 6.1.2.4 menghasilkan buku hasil penyelidikan yang memberi impak;
    - 6.1.2.5 penulisan dalam jurnal yang berimpak tinggi;
    - 6.1.2.6 menghasilkan impak terus kepada perubahan masyarakat.
  - 6.1.3 Sanjungan ;
    - 6.1.3.1 memberi ucap utama, kertas undangan/kertas penuh dan pembicara;
    - 6.1.3.2 menganggotai dalam jawatankuasa antarabangsa dalam bidang masing-masing;
    - 6.1.3.3 dijemput sebagai pemeriksa luar dan penasihat dan penilai program;
    - 6.1.3.4 anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.
  - 6.1.4 Kecemerlangan Kepimpinan Akademik dan Pengurusan
    - 6.1.4.1 jawatan pentadbiran di Universiti ;
    - 6.1.4.2 penglibatan dalam Jawatankuasa tertinggi peringkat Universiti ;
    - 6.1.4.3 kepimpinan akademik dan pengurusan;
  - 6.1.5 Khidmat masyarakat ;
    - 6.1.5.1 menjadi ahli persatuan saintifik atau profesional dalam bidang masing-masing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ;
    - 6.1.5.2 menjadi Ahli Jawatankuasa, Pengerusi/Setiausaha untuk aktiviti/persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti dan Negara;

6.1.5.3 menerajui kepimpinan persatuan bidang dan badan profesional yang berkaitan bidang.

6.1.6 Sahsiah ;

6.1.6.1 mempunyai sahsiah yang mulia dan boleh dicontohi;

6.1.6.2 peka terhadap masalah semasa dan berusaha membantu ke arah penyelesaian masalah;

6.2 Kriteria tambahan yang boleh dijadikan sebagai pengukuran ketersohoran;

6.2.1 berpengalaman sebagai Profesor di universiti-universiti terkemuka dunia (*Top 100* dalam QS WUR);

6.2.2 dipilih sebagai Felo badan akademik utama negara tersebut seperti Royal Society (UK), National Academy of Science (USA) atau Chinese Academy of Sciences;

6.2.3 mempunyai penerbitan dalam jurnal dengan *citation* dan *h-index* yang tinggi ataupun telah menghasilkan buku penyelidikan/akademik yang diguna pakai dengan meluas di seluruh dunia;

6.2.4 berpengalaman luas dalam penyelidikan dan pendidikan tinggi;

6.2.5 H-Indeks dalam WoS mengikut bidang contohnya bidang sains, sains social atau perubatan - sekurang-kurangnya 30 H-indeks;

6.2.6 Citation mengikut bidang contohnya bidang sains, sains sosial atau perubatan - sekurang-kurangnya 5,000 Citation;

6.2.7 Penerbitan calon tersenarai dalam 2% Teratas (Top 2% di dunia) juga mengikut bidang masing-masing;

## 7.0 DESKRIPSI TUGAS PROFESOR ANTARABANGSA TERSOHOR

7.1 Profesor Antarabangsa Tersohor akan membantu dalam meningkatkan kualiti penyelidikan di UKM dan profil UKM sebagai university penyelidikan. Antara tugas-tugas yang akan diberikan termasuklah membantu meningkatkan:

7.1.1 Budaya penyelidikan berkualiti di fakulti/institut;

7.1.2 Penerbitan berkualiti dalam jurnal-jurnal terkemuka dunia berimpak tinggi;

7.1.3 Penulisan buku yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa;

7.1.4 Perolehan geran penyelidikan kebangsaan, industri dan antarabangsa;

7.1.5 Kerjasama penyelidikan dengan universiti-universiti tersohor dunia;

7.1.6 Kualiti pembelajaran dan pengajaran di peringkat prasiswazah dan siswazah;

7.2 Penerbitan:

7.2.1 semua penerbitan mempunyai afiliasi UKM;

7.2.2 menerbit bersama dengan penyelidik UKM;

7.2.3 menerbit jurnal;

7.2.3.1 artikel dalam Q1/ Tangga 10% teratas;

7.2.3.2 artikel yang menyerlah bidang kepakaran sebagai pengarang utama atau *correspondence author*;

- 7.3 Sanjungan;
  - 7.3.1 memberi ucapan utama, kertas undangan/kertas penuh dan pembicara peringkat UKM;
  - 7.3.2 menjadi editor jurnal antarabangsa dan membuat penilaian jurnal berindeks;
  - 7.3.3 menjadi pakar rujuk dalam bidang kepakaran;
  
- 7.4 Tugas-tugas lain yang akan dikenal pasti oleh Dekan / Pengarah / Kelompok Penyelidikan/Kumpulan Penyelidikan/Ketua Projek;

## **8.0 PROSEDUR PELANTIKAN**

- 8.1 Pusat Tanggungjawab (PTj) mengemukakan permohonan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi) dengan mengemukakan dokumen berikut:
  - 8.1.1.1 CV lengkap calon (yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.0 di atas);
  - 8.1.1.2 Deskripsi tugas beserta KPI dan outcome yang dijangkakan (berasaskan panduan yang dinyatakan dalam perenggan 7.0 di atas);
  - 8.1.1.3 Cadangan gred dan tangga gaji serta kemudahan-kemudahan lain yang hendak ditawarkan; dan
  - 8.1.1.4 Tempoh Pelantikan.

## **9.0 PROSES PEMILIHAN**

- 9.1 Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi) menubuhkan Jawatankuasa Saringan bagi menilai permohonan daripada PTj;
- 9.2 Senarai pendek calon (selepas saringan) dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM);
- 9.3 BSM mengatitkan Jawatankuasa Pemilih; dan
- 9.4 Surat Pelantikan dikeluarkan

## **10.0 PENAMATAN**

Mengikut proses penamatan perkhidmatan sedia ada

**CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN PROFESOR ANTARABANGSA  
TERSOHOR (PAT) DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PAT-UKM)**

